

SKEMA SET 3

Rumusan

Bil	Isi-Isi tersurat	Markah
s1.	sikap bertolak ansur boleh dijelmakan dalam diri murid.	2m
s2.	semangat perpaduan dapat diwujudkan	2m
s3.	Keperibadian yang unggul juga dapat dilahirkan	2m
s4.	membentuk tingkah laku disiplin dalam kalangan	2m
s5.	murid yang aktif dalam kegiatan sukan akan terdidik untuk mengagihkan masa dengan sewajarnya	2m
s6.	tubuh badan seseorang individu sihat dan cergas	2m
s7.	membentuk murid menjadi seseorang yang berfikiran positif	2m
s8.	menggunakan masa lapang mereka dengan lebih bermanfaat.	2m
	Isi Terisirat	
T1	Kekurangan peralatan sukan	2m
T2	Tugasan sekolah yang banyak	2m
T3	Ibu bapa yang tidak memberi galakan untuk murid bersukan	2m
T4	Kelas tambahan pada sesi petang	2m
T5	Pengaruh permainan moden	2m
	kesimpulan	
	Kesimpulannya murid-murid perlulah menitikberatkan kepentingan bersukan agar dapat melahirkan remaja yang sihat.	2m

SOALAN PEMAHAMAN

Soalan 2a- Pemahaman Petikan Umum

1. Maksud frasa berbual-bual kosong
- bercakap-cakap/berkata-kata/perkara yang tidak penting/bukan-bukan 2m
2. Bersukan membolehkan seorang individu itu sihat dan cerdas kerana

P1 Bersukan boleh menguatkan otot

P2 menguatkan tulang

P3 menyihatkan badan.

P4 Seseorang murid yang bersukan pada setiap petang akan membakar lemak berlebihan dalam badan

3m

3. Usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan masyarakat bersukan ialah:-

p1 menyediakan tempat bersukan yang kondusif

p2 Program 'Fit Malaysia'

p3 Kempen kesedaran hidup sihat

p4 menganjurkan perlawanan antara komuniti

Soalan 2d- Sajak

Pemahaman 2(d)

- i) Rangkap ketiga, yang diharapkan oleh penyajak kepada para pendekar sekarang
- P1- berani berjuang mempertahankan maruah negara
 - P2- tidak bertolak ansur pada pihak yang cuba mengguagat keharmonian negara
 - P3- menentang habis-habisan jika ada pihak yang menyebabkan negara kucar- kacir.
- ii) usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi memastikan negara dihormati oleh negara-negara luar ialah:
- P1 menjaga perpaduan negara
 - P2 tidak melakukan huru-hara dalam negara
 - P3 menjaga nama baik negara
 - P4 memelihara kedaulatan negara
- iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut.
1. Perjuangan generasi dahulu dalam mendapatkan kemerdekaan
Contoh : Generasi dahulu berjuang mendapatkan kemerdekaan negara dengan keringat dan air mata.
 2. Kepentingan perpaduan dalam menjaga keamanan negara
Contoh : Penyajak menyatakan bahawa rakyat yang bersatu padu telah terbukti dapat memelihara negara daripada ancaman luar.
 3. Tanggungjawab rakyat dalam mendaulatkan negara
Contoh : Penyajak menyeru semua rakyat supaya memelihara kedaulatan negara dengan penuh tanggungjawab daripada pihak luar yang cuba memusnahkan negara.

SOALAN 4 – NOVEL

4a.

Persoalan ketaatan merupakan salah satu daripada persoalan yang terdapat dalam novel yang anda kaji.

Jelaskan dua peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan ketaatan dalam sebuah novel yang anda kaji.

Jendela Menghadap Jalan	Songket Berbenang Emas
- taat terhadap ibu bapa Contohnya lili menunjukkan dia seorang yang taat terhadap ibu bapa dengan mengikuti suruhan ibunya untuk pulang bercuti di kampung walaupun dia mempunyai rancangan lain untuk cuti sekolahnya	Taat terhadap ibu bapa Dalam novel SBE Dahlia sanggup menggantikan tempat ibunya selama ibunya dirawat di hospital tanpa mementingkan diri sendiri untuk memastikan adik-beradiknya dalam keadaan terurus.
taat kepada suami Contohnya Mak Jah taat kepada suaminya sehingga dia sanggup dipukul dan enggan melaporkan kegiatan suaminya pada pihak	Taat kepada orang tua Contohnya, Dahlia tidak melawan kata-kata neneknya ketika dia datang melawat neneknya yang sedang sakit

berkuasa.	
Taat Kepada Tuhan Datuk Lili mengerjakan solat setiap kali masuk waktu dan sentiasa berzikir	Taat Kepada Tuhan Embung menunaikan solat lima waktu. Dipatuk ular ketika bersiap sedia untuk mengerjakan solat Jumaat.

4b. Terdapat beberapa konflik yang digambarkan oleh pengarang dalam sesebuah novel. Berdasarkan dua novel huraikan satu konflik antara watak yang terdapat dalam setiap novel.

- Konflik yang dialami oleh Lili dengan ibunya

Lili diminta oleh ibunya supaya menghabiskan cuti persekolahannya di kampung. Lili menurut sahaja cadangan ibunya supaya bercuti di kampung dan berpura-pura gembira walaupun hatinya berat untuk ke sana kerana dia bercadang menghabiskan cuti persekolahan bersama-sama rakannya di Kuala Lumpur.

- Konflik Che Jah dengan suaminya.

Rumahtangga Che Jah pincang atas sebab sikap panas baran suaminya. Che Jah dan anak-anaknya sentiasa didera oleh Seman apabila dia tidak diberi duit.

- Konflik Datuk dengan Daniel.

Daniel berbalah dengan datuk tentang perubatan tradisional yang diamalkan oleh datuk terlalu ketinggalan zaman

Novel Songket Berbenang Emas

- Konflik antara Nek Kiah dengan Dahlia

Nek kiah berprasangka buruk terhadap Dahlia apabila melihat Azhari menghantar Dahlia pulang ke rumah. Dahlia hanya mendinginkan diri sahaja semasa ditegur oleh Nek Kiah

- Konflik antara Dahlia dengan Cikgu Salwani

Cikgu Salwani tidak membenarkan Dahlia keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya setelah ibunya dimasukkan ke hospital. Dahlia bertekad keluar dari asrama dan berulang-alik dari rumah ke sekolah.

- Konflik antara Dahlia dan Aton. Dahlia sentiasa dicemuh oleh Aton dan dipanggil perempuan murahan kerana ada beberapa orang lelaki yang melawat rumahnya. Aton juga sentiasa menyalahkan Dahlia atas kematian anaknya. Dahlia dinasihati oleh ayahnya supaya sentiasa bersabar dan tabah menghadapi dugaan Tuhan.